

5,718 kes sembuh tertinggi dicatat

Kes baharu positif Covid-19 bawah angka 3,000 iaitu 2,720 kes

KUALA LUMPUR

Malaysia mencatatkan kes sembuh tertinggi apabila 5,718 kes dilaporkan menyaksikan jumlah kes aktif Covid-19 dengan kebolehtangkitan menurun kepada 44,129 kes setakat ini.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdul-

lah berkata, kes baharu sekali lagi mencatatkan angka di bawah 3,000 iaitu 2,720 kes dilaporkan dengan kesemuanya melibatkan kes tempatan.

Beliau berkata, Selangor terus melaporkan kes harian baharu tertinggi iaitu sebanyak 1,300 kes (47.8 peratus), diikuti Johor sebanyak 451 kes (16.6 peratus) dan Kuala Lumpur 318 kes (11.7 peratus).

"Jumlah keseluruhan kes baharu kini 269,165, manakala bagi kes sembuh pula 224,053. Selain itu, lapan kes kematian dilaporkan menjadikan kes kumulatif kematian setakat ini 983.

"Kes yang memerlukan rawatan di unit rawatan rapi (ICU)

kini 253 kes, dengan 118 daripadanya memerlukan bantuan pernafasan," katanya dalam sidang media perkembangan Covid-19 pada Selasa.

Dr Noor Hisham berkata, lapan kes kematian yang dilaporkan melibatkan tiga kes di Kuala Lumpur, dua kes di Selangor serta masing-masing satu kes di Sabah, Sarawak dan Negeri Sembilan, dengan lingkungan umur mangsa daripada 47 hingga 86 tahun.

Sebanyak 57 kes (2.1 peratus) yang dilaporkan melibatkan kluster di penjara, lokap dan de-



DR NOOR HISHAM

poh tahanan imigresen yang membabitkan Kluster Tembok Bendera dengan 35 kes, Kluster Tembok Bukit Besi (14), Kluster Penjara Jalan Harapan (4), Kluster Penjara Seberang Perai (3) dan Kluster Tembok Taiping (1).

Beliau memaklumkan, sejumlah 19 kluster baharu dikenal pasti dengan 14 daripadanya berkaitan tempat kerja, empat komuniti dan satu melibatkan kumpulan berisiko tinggi menjadikan jumlah kluster aktif kini 499.

Dr Noor Hisham berkata, 79

kluster mencatatkan pertambahan kes dengan kluster yang merekodkan kes baharu tertinggi pada Selasa melibatkan Kluster Tapak Bina Damar iaitu 201 kes, Kluster Tapak Bina Jalan Segambut (173 kes) dan Kluster Industri Cyber (161 kes).


Sejumlah 516 kluster dilaporkan tamat, termasuk sembilan kluster yang tamat pada Selasa iaitu Kluster Jalan Thamby, Kluster Tapak Bina Hevea, Kluster Jalan Padu, Kluster Pasar Jalan Sentosa, Kluster Wawasan Gading, Kluster Jalan Datuk, Kluster Tampoi Jaya, Kluster Rantau Cempaka dan Kluster Keranji Tabuan, katanya.

- Bernama


SITUASI TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA

*Dikemas kini pada jam 12 tengah hari 16 Februari 2021

Bilangan kes Covid-19 mengikut negeri di Malaysia



Jumlah jangkitan Covid-19 di Malaysia semalam meningkat daripada 266,445 kes kepada 269,165 kes



JUMLAH KES BAHARU DAN SEMBUH DILAPORKAN SETIAP HARI

JUMLAH KESELURUHAN:	PULIH:	ICU:	KEMATIAN:	KES BAHARU
269,165	224,053	253	983	+2,720

